

**TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT
KEMPEN “RHB MOHE POST GRADUATE”
("Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini")**

Pelanggan- pelanggan yang berminat untuk menyertai kempen ini dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat ini sebelum mendaftar penyertaan mereka dalam kempen ini.

Sila pastikan anda membaca Terma dan Syarat Kempen MyInvest untuk maklumat lanjut dan kriteria penuh mengenai ganjaran MyInvest di [RHB Asset Management](#).

Mana-mana pelanggan yang tidak memahami mana-mana Terma dan Syarat ini boleh menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan RHB, yang butiran hubungannya dinyatakan dalam klausa Terma dan Syarat Am di bawah.

PENGANJUR-PENGANJUR KEMPEN

1. **Kempen RHB MOHE Post Graduate ("Kempen")** ini dianjurkan oleh RHB Bank Berhad [No. Pendaftaran 196501000373 (6171-M)] dan RHB Islamic Bank Berhad [No. Pendaftaran 200501003283 (680329-V)] (secara kolektif, "**RHB**").

TEMPOH KEMPEN

2. Kempen ini berlangsung dari **1 November 2025 hingga 31 Mac 2026 ("Tempoh Kempen")**, termasuk kedua-dua tarikh.

KELAYAKAN

3. Kempen ini terbuka kepada semua pemegang akaun utama yang layak yang sah dan masih wujud bagi pelanggan *Joy@Uni* (pemastautin dan bukan pemastautin) bagi segmen Perbankan Konsumer yang memegang Akaun Simpanan-i PRO dan telah memegang atau akan membuka dan mendaftarkan akaun/-i semasa dan simpanan RHB ("ASAS/-i") untuk tujuan pengkreditan gaji (*Joy@Work*) (secara kolektif, "**Peserta-Peserta Yang Layak**") atau setiap satu "**Peserta Yang Layak**") semasa Tempoh Kempen.
4. Kempen ini tidak terpakai untuk akaun Junior (*RHB Future Saver, Junior Savings Account, Easy-Junior Savings dan RHB Children Account-i*) (secara kolektif, "**Akaun Penyertaan**")
5. Individu-individu dan entiti-entiti berikut, pemastautin dan bukan pemastautin, adalah tidak layak untuk menyertai Kempen ini:-
 - (a) individu-individu di bawah umur lapan belas (18) tahun;
 - (b) pekerja-perkerja tetap dan pekerja-perkerja kontrak Kumpulan Perbankan RHB dan ahli-ahli keluarga terdekat mereka;
 - (c) wakil dan ejen (termasuk agensi pengiklanan dan agensi promosi) RHB dan ahli keluarga terdekat mereka; dan
 - (d) syarikat-syarikat, entiti-entiti komersial dan korporat, milikan-milikan tunggal, perkongsian-perkongsian, pertubuhan-pertubuhan berkebakajikan/tanpa untung, persatuan-persatuan dan sekolah-sekolah.

"**Kumpulan Perbankan RHB**" bermaksud RHB Bank Berhad, RHB Islamic Bank Berhad, RHB Investment Bank Berhad, RHB Insurance Berhad dan sekutu masing-masing, syarikat-syarikat pemegang, syarikat-syarikat subsidiari, syarikat-syarikat/perbadanan-perbadanan berkaitan, pengganti-pengganti dan penerima serah hak.

MEKANISME KEMPEN

6. Untuk layak menerima ganjaran-ganjaran di bawah Kempen ini, Peserta-Peserta Yang Layak mesti memenuhi kriteria-kriteria kelayakan berikut semasa Tempoh Kempen ("**Kriteria-Kriteria Kelayakan Kempen**"):-

a) Mendaftar untuk *Joy@Work*

Peserta yang Layak yang mendaftar *Joy@Work* dan memenuhi pengkreditan gaji dalam Tempoh Kempen akan diberi ganjaran seperti yang dilampirkan Jadual A seperti di bawah:

Jadual A

Kriteria Kelayakan	Ganjaran Tunai (RM)	Jumlah Peserta yang Layak
1) Daftar Joy@Work: - Dengan pengkreditan gaji bulanan minimum RM2,000 dan dengan 3 bulan pengkreditan secara berturut-turut. - Tertakluk kepada nama pengirim transaksi gaji tersebut sepadan dengan nama majikan RHB seperti yang direkodkan dalam sistem RHB.	100	1,000
2) Daftar Kad Kredit RHB/i & aktifkan dalam tempoh 60 hari dari tarikh kelulusan kad dengan perbelanjaan minimum RM50.	100	500
3) Daftar dan laburkan jumlah terkumpul minimum sebanyak RM300 ke dalam Dana Penyertaan melalui RHBAM MyInvest.	50	300

- Urus niaga berikut juga akan diiktiraf sebagai pengkreditan gaji ke dalam Akaun Penyertaan:
 - Pemindahan dana
 - DuitNow
- Pengeluaran pinjaman/pembiayaan, keuntungan/faedah yang dibayar atau bayaran balik dikecualikan sebagai transaksi kredit.
- Nama penghantar (nama majikan), akan dikenali berdasarkan lima (5) aksara pertama termasuk simbol & jarak.

Contoh pegecaman nama penghantar seperti ilustrasi di bawah:

NAMA PENGHANTAR	NAMA MAJIKAN	LIMA (5) AKSARA PERTAMA NAMA PENGHANTAR DALAM SISTEM RHB	LIMA (5) AKSARA PERTAMA NAMA MAJIKAN DALAM SYSTEM RHB	MATCH YA / TIDAK
TIONG AH CHONG	JABATAN KETUA MENTERI	TIONG	JABAT	TIDAK
ANEKO SDN. BHD.	ANEKO	ANEKO	ANEKO	YA
TAN & CHONG	TAN AND CHONG	TAN &	TAN A	TIDAK
VANILLA TRADING (M) SDN. BHD.	VANILLA TRADING	VANIL	VANIL	YA

VANO TECHNOLOGY SDN. BHD.	VANO TECHNOLOGY SDN BHD	VANO	VANO	YA
---------------------------------	-------------------------------	------	------	----

- iv. Ganjaran Tunai akan diiktiraf berdasarkan peringkat pengkreditan gaji pertama yang layak selepas pendaftaran *Joy@Work* semasa Tempoh Kempen
- v. Akaun Penyertaan mesti ditandakan dengan status aktif sebagai RHB *Joy@Work* dalam tempoh pemenuhan kempen seperti yang dinyatakan dalam Klausa 9.
- vi. Permohonan perlu dihantar dalam Tempoh Kempen dan diluluskan oleh RHB pada atau sebelum 15 April 2026.
- vii. Jumlah Ganjaran Tunai terhad kepada 1,000 jumlah kelayakan untuk RHB *Joy@Work* dan 500 kelayakan untuk permohonan kad kredit masing-masing berdasarkan siapa cepat dia dapat.
- viii. Untuk mengelakkan sebarang kekeliruan, Peserta Layak hanya berhak menerima satu (1) Hadiah Tunai sahaja, tanpa mengira jumlah pelaburan. Hadiah ini akan diberikan berdasarkan prinsip “siapa cepat, dia dapat” dan terhad kepada tiga ratus (300) pelabur pertama sahaja. Peserta Layak mesti mengekalkan pelaburan yang telah dibuat.

GANJARAN-GANJARAN KEMPEN

7. Peserta-Peserta Yang Layak yang memenuhi Kriteria-Kriteria Kelayakan Kempen akan berpeluang memenangi ganjaran-ganjaran berikut (setiap satu “**Ganjaran Kempen**”):-

Ganjaran Kempen	Jumlah Peserta yang Layak Sepanjang Tempoh Kempen
<i>Ganjaran Tunai RM100 untuk setiap Keperluan Kelayakan Kempen bagi perkara berikut:</i> - Pendaftaran Joy@Work: Dengan pengkreditan gaji bulanan minimum sebanyak RM2,000 dan pengkreditan secara berterusan selama 3 bulan. - Tertakluk kepada padanan nama penghantar transaksi gaji dengan nama majikan RHB seperti yang direkodkan dalam sistem RHB.	1,000
<i>Ganjaran Tunai RM100 untuk setiap Keperluan Kelayakan Kempen bagi perkara berikut:</i> Pendaftaran Kad Kredit RHB/i dan pengaktifan dalam tempoh 60 hari dari kelulusan kad dengan perbelanjaan minimum sebanyak RM50.	500
<i>Ganjaran Tunai RM50 untuk setiap Keperluan Kelayakan Kempen bagi perkara berikut:</i> Pendaftaran dan laburkan jumlah terkumpul minimum sebanyak RM300 ke dalam Dana Penyertaan melalui RHBAM MyInvest.	300

SYARAT-SYARAT PEMILIHAN PEMENANG DAN PEMENUHAN GANJARAN

8. Syarat pemenuhan Ganjaran Kempen adalah tertakluk kepada perkara berikut:

- a) Jika bilangan Peserta yang Layak seperti yang ditetapkan dalam Jadual A telah dicapai sebelum Tempoh Kempen berakhir, maka Ganjaran ini akan ditamatkan
- b) Peserta yang Layak dengan Baki Purata Bulanan (MAB) yang lebih tinggi dalam Akaun Penyertaan akan dipilih sekiranya terdapat keputusan seri apabila dipenuhi.
- c) Ganjaran Kempen akan dipenuhi dan akan dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan Pemenang yang aktif dalam tempoh lapan (8) ke dua belas (12) minggu selepas Peserta yang Layak mengambil bahagian dalam Kempen.
- d) RHB tidak bertanggungjawab untuk memenuhi jumlah keseluruhan pemenang jika semua percubaan untuk memilih pemenang telah dilakukan.
- e) Akaun Penyertaan Peserta yang Layak dengan Penandaan *Joy@Work* (untuk pelanggan *Joy@Work* sahaja) mestilah sah dan mesti aktif seperti yang ditentukan oleh RHB mengikut budi bicaranya, untuk layak untuk penyertaan semasa dan selepas Tempoh Kempen. Jika, pada bila-bila masa dalam Tempoh Kempen, Peserta Layak menutup Akaun Penyertaan mereka atau tidak aktif atas apa-apa sebab sekalipun, penyertaannya dalam Kempen menjadi terbatal dan tidak sah berkuat kuasa serta-merta.
- f) Transaksi-Transaksi Yang Layak dijejaki berdasarkan tarikh dan masa transaksi mengikut Waktu Piawai Malaysia (*Malaysia Standard Time*) dan mesti tampil dalam sistem RHB untuk diambil kira dalam bilangan Transaksi Yang Layak dan Penyertaan Kempen.
- g) Hanya pemegang-pemegang akaun utama yang layak bagi akaun RHB ASAS/-i yang sah dan aktif, yang tidak ditutup atau tidak dorman atau ditamatkan atau disekat pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Kempen dan sebelum penerimaan Hadiah Kempen, layak untuk menyertai Kempen ini dan untuk memenangi Hadiah Kempen. Jika pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Kempen dan/atau sebelum penerimaan Hadiah Kempen, akaun RHB ASAS/-i menjadi dorman atau ditutup, ditamatkan atau disekat atas apa jua sebab, pemegang akaun utama RHB ASAS/-i tersebut akan digugurkan daripada Kempen ini dan akan digantikan oleh Peserta Yang Layak berikutnya.
- h) RHB boleh menggantikan hadiah-hadiah utama dengan hadiah-hadiah lain yang mempunyai nilai atau spesifikasi yang serupa dengan memberi notis terdahulu yang mencukupi kepada pemenang-pemenang hadiah utama seperti yang dinyatakan dalam Klausula 9(b)(ii) di bawah
- i) RHB boleh mendedahkan atau menerbitkan nama-nama dan 4 angka terakhir nombor kad pengenalan pemenang-pemenang dalam media untuk tujuan mengumumkan Peserta yang Layak Kempen ini.

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT AM

9. Dengan menyertai Kempen, setiap Peserta Yang Layak bersetuju dengan perkara berikut:-

- (a) Peserta Yang Layak dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
- (b) (i) dengan memberikan notis terdahulu yang mencukupi, RHB boleh:-
 - (1) mengubah mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini atau menggantung atau menamatkan Kempen ini berikutan pengenalan atau perubahan dalam mana-mana undang-undang atau keperluan-keperluan kawal selia yang terpakai kepada RHB dan/atau Kempen ini; atau

- (2) mengubah mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini jika, tanpa perubahan sedemikian, Bank tidak akan dapat memberi kesan kepada Kempen ini.
 - (ii) RHB boleh memberi notis sedemikian:-
 - (1) dengan menghantar notis sedemikian dan sebab -sebab perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian kepada Peserta-Peserta Yang Layak;
 - (2) dengan menghantar notis sedemikian dan sebab-sebab untuk perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian melalui Perkhidmatan Mesej Ringkas (*Short Message Service* ("SMS")) atau Mesej Langsung Elektronik (*Electronic Direct Message* ("EDM")) kepada Peserta-Peserta Yang Layak; atau
 - (3) dengan memaparkan notis tersebut dan sebab-sebab bagi perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian di cawangan-cawangan RHB atau laman web RHB.
 - (iii) Mana-mana Peserta Yang Layak yang tidak bersetuju dengan perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian dikehendaki memberitahu RHB dan tidak akan lagi berhak untuk menyertai Kempen ini.
 - (c) visual-visual ganjaran atau hadiah (setiap satu "**Ganjaran Kempen**") dan semua benda lain yang ditunjukkan dalam semua bahan dan penerbitan yang berkaitan dengan Kempen ini dan di laman web RHB adalah untuk tujuan-tujuan ilustrasi dan hiasan sahaja dan tidak menjadi sebahagian daripada Ganjaran-Ganjaran Kempen ini;
 - (d) Peserta Yang Layak tidak dibenarkan memilih warna atau reka bentuk Ganjaran Kempen (jika Ganjaran Kempen itu adalah sesuatu barang);
 - (e) Ganjaran-Ganjaran Kempen itu tidak boleh dipindahkan kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit atau sebarang bentuk pembayaran monetari lain;
 - (f) RHB dan/atau penjual, pembekal atau ejen yang dilantiknya boleh menggantikan Ganjaran-Ganjaran Kempen itu dengan ganjaran lain yang mempunyai nilai atau spesifikasi yang serupa dengan memberikan notis terdahulu yang mencukupi dengan sebab-sebab untuk penggantian tersebut mengikut cara yang ditetapkan dalam Klausa 9(b)(ii) di atas;
 - (g) mana-mana Peserta Yang Layak yang telah menipu atau melakukan apa-apa tindakan yang menyalahi undang-undang atau penipuan berhubung dengan Kempen ini dan/atau produk yang digunakan dalam Kempen ini, akan digugurkan daripada Kempen ini;
 - (h) RHB tidak bertanggungjawab ke atas keadaan atau sebarang kehilangan atau kerosotan atau kerosakan pada Ganjaran-Ganjaran Kempen setelah diterima oleh Peserta-Peserta Yang Layak.
- Peserta-Peserta Yang Layak dinasihatkan untuk menyemak keadaan Ganjaran Kempen masing-masing sebelum menerima Ganjaran Kempen yang sama (jika Ganjaran Kempen adalah sesuatu barang);
- (i) Peserta Yang Layak bertanggungjawab ke atas semua cukai dan yuran dan caj lain yang dikenakan terhadapnya di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada, untuk penerimaan Ganjaran Kempen;

- (j)
 - (i) RHB dikehendaki mendapatkan dan memproses maklumat peribadi Peserta-Peserta Yang Layak untuk mentadbir Kempen;
 - (ii) dengan memberikan maklumat peribadi, Peserta-Peserta Yang Layak telah bersetuju dengan pemprosesan sedemikian oleh RHB; dan
 - (iii) mana-mana Peserta-Peserta Layak yang tidak bersetuju dengan pemprosesan sedemikian oleh RHB dikehendaki memaklumkan RHB dan tidak lagi berhak untuk menyertai Kempen ini;
- (k) Peserta Yang Layak seterusnya memberi kebenaran-kebenaran kepada RHB untuk mendapatkan dan memproses maklumat peribadinya untuk tujuan-tujuan penjualan silang, pemasaran dan promosi produk-produk dan/atau perkhidmatan-perkhidmatan Kumpulan Perbankan RHB atau pakatan strategiknya yang RHB fikir mungkin menarik minatnya. Beliau mempunyai pilihan untuk memilih sama ada untuk menerima bahan pemasaran dan promosi untuk bahan yang sama daripada RHB dan boleh memilih atau menukar pilihannya dengan menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan RHB seperti berikut:

Pusat Hubungan Pelanggan RHB

E-mel : customer.service@rhbgroup.com

Telefon No. : +603-9206 8118

Borang : rhbgroup.com/personal/banking-methods/contactus.html;

- (l) gambar-gambar/imej-imej berserta nama-nama Pemenang Ganjaran Kempen boleh digunakan dalam pengumuman RHB tentang Pemenang-Pemenang Ganjaran Kempen;
- (m) RHB tidak bertanggungjawab ke atas ketidakterimaan, atau sebarang kelewatan dalam penerimaan, sebarang Ganjaran Kempen Pemenang Ganjaran Kempen yang disebabkan oleh:-
 - (i) penggantungan atau penamatan Kempen ini menurut Klausa 9(b)(i)(1) di atas;
 - (ii) tindakan Pemenang Ganjaran Kempen sedemikian atau tidak bertindak; atau
 - (iii) oleh sebarang tindakan Tuhan, peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), mogok, rusuhan, kekecohan awam atau tindakan keganasan yang tidak dikaitkan dengan RHB dan/atau mana-mana pekerja, wakil dan ejennya;
- (n) melainkan jika terdapat sebarang kesilapan yang nyata (jelas), keputusan RHB mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat Peserta Yang Layak;
- (o) Peserta Yang Layak boleh menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan RHB untuk semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini (termasuk sebarang permintaan untuk menukar atau mengehadikan pemprosesan maklumat peribadinya) kepada Pusat Hubungan Pelanggan RHB;
- (p) jika Peserta Yang Layak tidak berpuas hati dengan resolusi yang diberikan oleh Pusat Hubungan Pelanggan RHB dan jika produk –produk yang digunakan oleh Kempen ini adalah:-
 - (i) produk-produk perbankan, Peserta Yang Layak kemudiannya boleh merujuk perkara itu kepada pengendali Skim Ombudsman Kewangan yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia:

Financial Markets Ombudsman Service (FMOS) [dahulunya dikenali sebagai Ombudsman for Financial Services]

Alamat: **Tingkat 14, Blok Utama**

No. Telefon:
Borang Web:
Laman Web:

Menara Takaful Malaysia
No 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur
+603-2272 2811
<https://complaint.fmos.org.my/open.php>
<https://www.fmos.org.my/bm/> ; atau

- (q) Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini hendaklah dibaca bersama dengan terma-terma dan syarat-syarat Perbankan Peribadi yang boleh didapati di https://www.rhbgroup.com/files/others/terms-conditions/personal_banking_tnc_bm.pdf ; dan
- (r) jika berlaku sebarang percanggahan antara Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dan mana-mana bahan lain yang berkaitan dengan Kempen ini, Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan digunapakai bagi perkara-perkara yang ditadbir oleh Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.